

# PM mula lawat Turkiye

Malaysia teroka peluang perdagangan, sekuriti makanan.

ISTANBUL

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di sini pada Selasa untuk memulakan lawatan rasmi selama empat hari ke Turkiye.

Pesawat khas yang membawa Ismail Sabri dan delegasinya mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gökçen (ISGIA) pada jam 8.40 pagi (1.40 tengah hari waktu Malaysia).

Antara yang hadir bagi menyambutnya di lapangan terbang ialah Menteri Luar Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Duta Besar Malaysia ke Turkiye, Sazali Mustafa Kamal.

Turut berada di lapangan terbang yang dimiliki sepenuhnya dan dikendalikan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) itu ialah Gabenor Lapangan Terbang Antarabangsa Sabiha Gökçen, Halil Avsar; dan Pengerusi MAHB, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Majlis sambutan rasmi bagi lawatan itu dijadualkan berlangsung di Ankara pada Khamis.

Lawatan atas jemputan Presiden Recep Tayyip Erdogan itu bermula dengan Perdana Menteri meninjau ISGIA sebaik tiba.

Perdana menteri diberi taklimat mengenai operasi serta potensi pertumbuhan ISGIA oleh Zambry serta Pengarah Urusan MAHB, Datuk Iskandar Mizal.



Ismail Sabri tiba di Istanbul untuk memulakan lawatan rasmi selama empat hari ke Turkiye, pada Selasa.

Lapangan terbang itu merupakan salah satu daripada dua lapangan terbang antarabangsa di Istanbul, yang terletak di bahagian Asia daripada dua benua di Istanbul, dan disenaraikan sebagai lapangan terbang keenam paling sibuk di Eropah serta lapangan terbang kedua paling cepat pulih di Eropah pada 2021.

Jumlah penumpang lapangan terbang berkenaan mencecah 25 juta pada 2021, iaitu 70 peratus daripada angka prapandemik Covid-19.

Penglibatan MAHB dalam ISGIA bermula pada 2008 apabila ia serta rakan-rakan konsortiumnya dianugerahkan konsesi mengendalikan lapangan terbang itu sehingga 2034.

Malah, pada masa ini ISGIA turut menjadi antara simbol bermakna dalam hubungan perniagaan Malaysia-Turkiye.

Pada 2014, MAHB telah mengambil alih 100 peratus kepentingan dalam ISGIA, sekali gus menjadikannya antara kumpulan pengendali lapangan terbang terbesar dunia dari

segi bilangan penumpang.

Selepas melawat ISGIA, Perdana Menteri akan menjadi hos kepada satu majlis makan tengah hari bagi Keluarga Malaysia yang menetap di Turkiye, sebelum mengadakan mesyuarat dengan komuniti perniagaan dan syarikat-syarikat besar Turkiye, antaranya Turkish Wealth Fund and Oyak.

Pada mesyuarat itu, Ismail Sabri dijangka meneroka peluang-peluang perdagangan komoditi dua hala, dengan tumpuan kepada sekuriti makanan, di samping mengukuhkan kerjasama menerusi perkongsian teknologi.

Pada Khamis, Ismail Sabri dijadual mengadakan pertemuan empat mata dengan Erdogan di Presidential Complex di Ankara, disusuli dengan mesyuarat delegasi Malaysia-Turkiye.

Dalam lawatannya ke ibu negara Turkiye, Perdana Menteri dijadual melawat dua penggiat utama dalam industri pertahanan dan aeroangkasa negara itu iaitu MKE Corporation dan Turkish Aerospace Industries (TAI). - Bernama